

18 SEP 2003

BAJET-REAKSI/I

M'SIA BERADA PADA HALA TUJU YANG BETUL DENGAN BAJET 2004, KATA BT

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 18 Sept (Bernama) -- Malaysia telah mengambil langkah pertama dalam mengemudi kapal ekonominya dengan langkah yang lebih berhemat dalam pelan Bajet 2004, kata Business Times (BT) dalam ruangan pengarangnya.

Selepas enam tahun suntikan dana yang menyaksikan bajet beralih daripada hampir seimbang kepada defisit 5.4 peratus bagi Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) tahun ini, kerajaan Malaysia telah menukar haluannya, kata akhbar itu.

"Pelan Bajet pada Jumaat mengejutkan - positif - berhemat," kata BT.

Sebelum pengumuman Bajet, terdapat spekulasi bahawa Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena belanjawan perpisahannya akan menghadaikan "banyak ganjaran" sebagai penghargaan kepada kumpulan setia korporatnya.

Terdapat jangkaan bahawa cukai pendapatan peribadi akan dikurangkan sehingga sembilan peratus bagi kelas pertengahan dan kadar cukai korporat diselaraskan dengan Singapura agar syarikat-syarikat negara menjadi lebih kompetitif tetapi apabila diumumkan, tiada satupun ramalan ini yang menjadi kenyataan, kata BT.

Satu-satunya faedah fiskal bagi cukai korporat, kata akhbar itu, adalah peruntukan kepada perusahaan kecil dan sederhana yang menyaksikan paras pendapatan bercukai yang tertakluk kepada kadar cukai korporat rendah 20 peratus yang diumumkan tahun lalu dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM500,000.

Ianya tidak mengejutkan apabila mengambil kira pendekatan patah balik suntikan modal Kuala Lumpur, kata BT, sambil menambah potongan besar sebanyak 21 peratus dalam perbelanjaan pembangunan tidak akan dapat difahami sekiranya terdapat banyak "hadiah" bagi bahagian pendapatan.

Akhbar itu menyifatkan fiskal yang berhemat itu sebagai satu langkah ke arah meredakan apa yang sangat dibimbangi bagi pasaran kewangan iaitu defisit pendapatan yang semakin melebar dan bagaimana ianya akan dibiayai.

"Bagaimanapun, sektor swasta perlu meningkat dengan kukuh sebagai jentera pertumbuhan sekiranya Dr Mahathir mahu mencapai unjuran pertumbuhannya serta sasaran pendapatannya," kata akhbar.

Dengan Dr Mahathir juga menjanjikan dasar monetari yang longgar dan sistem perbankan yang dibanjiri dengan mudah tunai, kadar faedah dijangka terus rendah untuk merangsang perbelanjaan pengguna, kata BT.

"Ini memberi gambaran bahawa sasaran pertumbuhan jangka terdekat boleh dicapai. Cabaran yang besar adalah bagi pelaburan. Dr Mahathir jelas mencarta peralihan yang kukuh yang beralih daripada pergantungan kepada pelaburan langsung asing (FDI) sebagai suatu jentera pertumbuhan," kata akhbar itu.

Dalam ucapan pembentangan Bajetnya, Dr Mahathir menjelaskan kebanyakan FDI dalam banyak kes telah dibiayai daripada sumber domestik dan hanya sedikit berlaku pindahan teknologi.

Bagaimanapun, hakikatnya adalah pelaburan domestik perlu meningkat dengan ketara sekiranya kemasukan FDI ke Malaysia turun dengan mendadak, kata BT.

"Meskipun tiada bayangan bahawa ia adalah apa yang Dr Mahathir jangkakan, ketiadaan insentif bagi syarikat-syarikat asing menimbulkan kebimbangan," kata akhbar itu.

Dr Mahathir, kata akhbar itu, mungkin mendapat ransangan daripada data

yang menunjukkan aliran masuk FDI semakin meningkat, meskipun ianya pada tahap yang lebih rendah berbanding pada tahun-tahun lonjakan.

Sebaliknya, Dr Mahathir mencipta terma baru - pelaburan dorongan domestik - mengisyaratkan penekanan barunya kepada sektor PKS.

"Memandangkan FDI tidak dijangka kembali semula seperti tahun-tahun kegemilangan di era 1990an, disebabkan peralihan pelabur asing ke China, langkah ini mungkin boleh dianggap sebagai suatu yang tepat.

Dan dengan kilang beroperasi pada kapasiti tinggi, pelaburan baru mungkin akan tiba tidak lama lagi," kata akhbar itu. -- BERNAMA

SS KTC ZK